



HASiL

# KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/06/09 - 43

## PELAKSANAAN E-INVOIS TERUS DIPERKASA OLEH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL) BERSAMA DENGAN PENGAMAL PERCUKAIAN, BADAN PROFESIONAL DAN MEDIA ZON UTARA

Pulau Pinang, 9 Jun 2023 – Dalam agenda memperkasa pelaksanaan e-invois serta pemantapan pembangunan infrastruktur perkhidmatan digital bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus menggiatkan lagi promosi pelaksanaannya ke Zon Utara yang menjadi destinasi kedua siri jelajah sesi libat urus pelaksanaan e-invois.

Sesi libat urus YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL yang diadakan pada siri kedua ini melibatkan hampir **170** orang peserta yang terdiri daripada para pengamal percukaian, badan profesional dan media di Pulau Pinang, Perlis, Perak dan Kedah.

Secara umumnya, kepentingan pelaksanaan e-invois ini memberikan banyak manfaat kepada pembayar cukai dan negara iaitu:

- a. Meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada pembayar cukai menerusi maklumat daripada e-invois yang akan di pra-isi ke sistem perakaunan atau rekod perniagaan pembayar cukai. Pra-isi maklumat juga dibuat secara automatik menggunakan data yang telah diterima melalui platform e-invois ke Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Pelaksanaan e-invois ini ternyata mempermudah proses percukaian serta memudahkan pembayar cukai untuk menjalankan tanggungjawab percukaian.
- b. Memperkemas dan memperkasa sistem percukaian negara, meningkatkan ketelusan cukai (*tax transparency*) di samping menyediakan penilaian risiko pematuhan yang lebih tepat secara masa nyata dan seterusnya menyokong hasrat kebanyakan negara ke arah pendigitalan pentadbir cukai (*digitalisation of tax administration*).

Semoga dengan penganjuran sesi libat urus kedua ini, para peserta dari Zon Utara dapat memanfaatkan ruang dan peluang untuk mendapatkan maklum balas secara terus daripada HASiL dan memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan e-invois ini mencapai objektifnya sekali gus memacu pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/public>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 09 Jun 2023**

## LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, KPE HASiL sedang memberikan penerangan berkenaan pelaksanaan e-invois kepada para peserta yang hadir pada sesi libat urus yang terdiri daripada pengamal percuaian, badan profesional dan media Zon Utara.



Program libat urus e-invois diakhiri dengan sesi bergambar YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, KPE HASiL bersama dengan para peserta sebagai tanda kenang-kenangan dan sokongan terhadap inisiatif baharu HASiL dalam meningkatkan pematuhan cukai dalam kalangan rakyat Malaysia.